

CADANGAN JAWAPAN BAHAGIAN PENILAIAN

UNIT 1

A

1. - Dapat mengelakkan pemburuan haram haiwan yang kian pupus.
 - Melatih individu menghayati dan menghargai ekosistem alam semula jadi.
 - Menyemai sikap sayang akan alam sekitar dan kelestarian global dalam masyarakat.
2. - Berlaku permusuhan antara kaum dalam masyarakat.
 - Pembangunan negara terjejas.
 - Memberikan imej negatif kepada negara.
3. - Saya akan menolak penggunaan bahan berasaskan kulit haiwan atau sumber haiwan yang semakin pupus.
 - Menggunakan bahan kitar semula dalam urusan kehidupan harian.
 - Sentiasa menjaga keharmonian antara manusia dengan alam sekitar dalam kehidupan harian.
4. - Memahami, menghormati dan menerima amalan norma masyarakat global dalam melestarikan alam sekitar.
 - Bertindak tegas dalam melestarikan alam sekitar seiring dengan kemajuan pembangunan.

B

- Hidup berbaik-baik dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
- Saling menghormati kepelbagaian yang ada di dalam dunia.
- Mengamalkan sifat kemanusiaan dalam kehidupan harian dan secara global.

C

1. Jawapan murid.
2. - Saling menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian dengan berhemah dan bertoleransi.

- Sedia menerima adat, budaya dan toleransi masyarakat global dan setempat dengan hati terbuka.
- Berfikiran terbuka dan mempunyai batasan undang-undang dalam setiap pemikiran, perasaan dan perlakuan.

UNIT 2

A

1. - Masyarakat boleh mempelajari adat dan tradisi negara sendiri dan negara luar.
 - Boleh mengetahui, menghormati dan mengurus diri dengan kepelbagaian budaya antarabangsa untuk menjadi individu global.
 - Mampu berkomunikasi pada peringkat global.
2. - Mengalami kesukaran untuk bersaing dan berkomunikasi pada peringkat antarabangsa.
 - Mengalami kesulitan untuk menerima kepelbagaian budaya peringkat global.
 - Akan ketinggalan zaman.
3. - Kurang penguasaan bahasa peringkat global.
 - Mudah terdedah dengan kejutan budaya apabila berada di luar negara.
 - Beranggapan bahawa pengekalan budaya negara asal tidak penting apabila berada di luar negara.
 - Bimbang untuk menonjolkan diri untuk bersaing pada peringkat antarabangsa.

B

- Penguasaan kepelbagaian bahasa dapat membantu seseorang individu untuk lebih yakin apabila menghadapi dunia luar dengan mengekalkan bahasa sendiri.
- Lebih berdaya saing dan berani menghadapi persaingan pada peringkat global.
- Penguasaan pelbagai bahasa dapat membantu seseorang individu untuk lebih memahami keunikan bahasa asal di sesebuah negara.
- Mampu berkomunikasi dengan orang asing di dalam negara dengan mengekalkan identiti negara asal.

C

Setuju.

- Identiti diri dapat dikekalkan dan tidak ditelan zaman.
- Genenasi baharu akan lebih mengenali budaya masing-masing.
- Keunikan negara asal dapat dikekalkan.
- Dapat membandingkan keunikan budaya sendiri dan budaya asing serta menyesuaikan tanpa mengabaikan nilai budaya sendiri.

UNIT 3

A

1. Berasa sedih dan kecewa.
2. - Meluangkan masa menghadiri aktiviti kokurikulum.
 - Mengulang kaji pelajaran.
 - Sentiasa menjaga maruah diri.
 - Sentiasa berkomunikasi dengan ibu bapa tentang masalah yang dihadapi.
 - Melibatkan diri dengan aktiviti sukan dan program kesukarelawanan.
3. - Mudah terpengaruh apabila tersalah memilih rakan.
 - Bersikap ego dan sombong.
 - Tidak menghormati orang tua.
 - Terjebak dengan kes ponteng sekolah.
 - Terjebak dalam gejala sosial.

B

- Nilai kerohanian merupakan satu aspek penting dalam membentuk keperibadian mulia seseorang individu.
- Remaja perlu bersikap baik terhadap diri, keluarga dan alam.
- Membantu masyarakat yang memerlukan bantuan dan memulihara alam sekitar
- Nilai kerohanian turut membentuk individu yang berpegang teguh pada agama atau kepercayaan.
- Remaja perlu menjadikan agama atau kepercayaan sebagai panduan hidup.
- Remaja perlu berfikiran positif dan berfikiran rasional.

- Remaja sentiasa berfikir baik dan buruk sesuatu tindakan.
- Remaja perlu membuat pertimbangan wajar dalam mencari penyelesaian.

UNIT 4

A

1. - Tidak wajar.
 - Menentukan kesahihan maklumat yang diterima sebelum berkongsi dengan rakan-rakan.
 - Tidak terburu-buru menyebarkan maklumat yang diterima.
 - Berfikiran rasional dalam setiap tindakan yang diambil.
2. - Menimbulkan kerisauan, kekecohan dan panik dalam masyarakat.
 - Mewujudkan banyak spekulasi yang negatif tentang mesej tersebut.
 - Memberikan imej buruk kepada penghantar dan penerima sekiranya mesej tersebut tidak benar.
3. - Berfikir dengan rasional dan bertindak secara berhemah sekiranya mendapat sesuatu mesej.
 - Bertenang dan bersabar dengan berita atau maklumat yang diterima sebelum menentukan kesahihannya.
4. - Dapat mengelak isu memfitnah dan memburukkan pihak lain.
 - Masyarakat dapat hidup dalam suasana tenang dan sejahtera.

B

- Menghayati nilai rasional, iaitu berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata akan kesahihan maklumat yang diterima.
- Merujuk pihak yang berautoriti untuk mengesahkan maklumat yang diterima.
- Membuat semakan melalui laman web Sebenarnya.my tentang maklumat yang tular melalui media sosial.

UNIT 5

A

1. - Masyarakat dapat memberikan maklum balas untuk meningkatkan amalan integriti dalam organisasi.
 - Dapat menilai perkhidmatan yang diberikan dan mengambil langkah pengubahsuaian untuk kelancaran organisasi.
 - Dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap organisasi.
2. Perasaan gembira, bangga, terharu kerana:
 - mendapat perkhidmatan terbaik.
 - berasa selesa untuk berurusan dengan organisasi tersebut.
 - berasa bangga dengan perkhidmatan yang diberikan di dalam negara sendiri.
3. - Mengucapkan terima kasih apabila mendapat perkhidmatan yang baik.
 - Membalas senyuman semasa berurusan.
 - Menunjukkan muka gembira dan sentiasa positif semasa berurusan di sesebuah organisasi.
 - Tidak mempengaruhi seseorang pegawai supaya mengetepikan sikap integriti mereka.
4. - Budaya kerja tidak berintegriti organisasi meningkat.
 - Masyarakat hilang kepercayaan terhadap organisasi.

B

- Budaya kerja tidak berintegriti akan menjadi kebiasaan sesebuah organisasi.
- Kurang kesedaran tentang implikasi perbuatan tidak berintegriti dalam organisasi.
- Wujudnya sikap individualistik dalam segelintir masyarakat semasa berurusan di sesebuah organisasi.
- Takut dan bimbang untuk membuat laporan tentang perbuatan integriti yang berlaku dalam organisasi.
- Cuba menyelesaikan masalah melalui perbuatan tidak berintegriti.

UNIT 6

A

1. – Tidak terlibat dengan rasuah.
 - Tidak menyalahgunakan kuasa.
 - Mematuhi etika organisasi.
 - Mematuhi peraturan dan undang-undang.
 - Menyokong kempen integriti.
 - Mewujudkan sistem tadbir urus yang baik.
2. - Pelabur asing akan hilang kepercayaan terhadap negara.
 - Tercetusnya pergolakan politik.
 - Kegiatan rasuah akan berleluasa.
 - Pihak luar akan campur tangan dalam pentadbiran negara.
 - Jurang ekonomi dalam kalangan rakyat akan bertambah.
 - Kadar jenayah dan gejala sosial akan meningkat.
3. - Mengotakan janji rakyat dengan ikhlas.
 - Tidak menerima rasuah untuk melaksanakan tugas
 - Menjaga kerahsiaan kerajaan
 - Memperjuangkan hak dan tanggungjawab dalam menjaga janji rakyat
 - Mengelakkan penyalahgunaan kuasa , kedudukan dan kuasa
 - Melaksanakan tugas dengan telus dan amanah.
4. - Menyokong kempen integriti.
 - Mematuhi piagam pelanggan yang ditetapkan.
 - Mengelakkan daripada memberi dan menerima rasuah.

B

Rakyat berintegriti akan membantu dalam menjayakan pembangunan negara.

- Tindakan rakyat berintegriti.
- Menyokong kempen integriti.
- Menjelaskan cukai dan membantu menjanakan pendapatan negara
- Melancong dalam negara dan membantu menjayakan program negara.
- Tidak terlibat dengan gejala rasuah atau memberikan rasuah.

- Menjaga kerahsiaan negara.
- Tidak menyalahgunakan kuasa, kedudukan dan jawatan..

UNIT 7

A

- Berasa empati dan simpati dengan nasib mangsa bencana alam tersebut.
 - Membantu sedaya upaya mengikut kemampuan masing-masing.
 - Akur dan pasrah dengan ketentuan Tuhan dan aktiviti alam.
- Hak dan kebajikan mangsa tidak terbela.
 - Mengalami tekanan fizikal dan mental.
 - Mengalami masalah kebuluran dan kesihatan kerana tiada bekalan makanan dan minuman.
- Melahirkan individu yang mempunyai sikap saling menyayangi antara satu sama lain.
 - Hubungan masyarakat kian kukuh.
 - Imej negara meningkat kerana rakyatnya yang bersatu padu dan berperikemanusiaan.
- Bangga, gembira, bersyukur dan terharu.
 - Dapat membantu golongan yang memerlukan dan ditimpa bencana.
 - Dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.
 - Menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat global.

UNIT 8

A

- Setuju
 - Mengurangkan beban kerajaan untuk mengatasi masalah sosial.
 - Mengurangkan jurang sosial dalam kalangan masyarakat.
 - Mengatasi masalah sosial bersama-sama agar negara boleh terus maju.
- Golongan tua akan berasa terpinggir.
 - Boleh menjejaskan pembangunan negara.
 - Beban kerajaan bertambah untuk membantu golongan tersebut.

- Sikap keprihatinan rakyat akan semakin berkurang terhadap golongan tersebut.
- Program kemanusiaan seperti menjadi sukarelawan.
 - Program kesihatan seperti menderma darah.
 - Program kelestarian alam sekitar seperti gotong-royong.

B

- Dapat memberikan bantuan dari segi sumbangan kewangan dengan menggunakan e-komuniti badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang diiktiraf.
- Dapat berkongsi dan menyebarkan maklumat tentang bantuan yang diperlukan melalui media sosial agar lebih ramai boleh mengetahuinya dan menghulurkan bantuan.
- Boleh membuat sumbangan seperti pembelian dalam talian untuk golongan yang memerlukan.
- Dapat melibatkan diri dalam program e-komuniti yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

UNIT 9

A

- Toleransi
 - Baik hati
 - Harga diri
 - Keberanian
- Persediaan diri.
 - Membawa bendera Malaysia.
 - Membawa peralatan pengakap.
 - Menguasai bahasa antarabangsa.
 - Mengambil tahu dan mempelajari tentang adat dan pantang-larang negara yang menyertai jambori.
 - Mempelajari keunikan negara lain.
- Boleh berkongsi ilmu tentang ilmu pengakap daripada ahli pengakap pelbagai negara..
 - Bekerjasama sebagai satu kumpulan dalam suasana harmoni.
 - Menjalinkan komunikasi yang baik sesama ahli.

- Bekerjasama semasa kecemasan.

4. - Perbezaan bahasa

- Perbezaan budaya
- Perbezaan ideologi dan sistem pentadbiran
- Sikap kepedulian masyarakat global

B

- Sikap kepedulian ialah tahap penerimaan sesebuah masyarakat dalam semua bentuk kerjasama dan bantuan secara global tanpa batasan.
- Sikap kepedulian masyarakat semakin pudar:
 - Batasan politik
 - Sukar mendapatkan kebenaran daripada kerajaan
 - Jenis kerjasama yang ingin dijalinan
 - Kesanggupan bekerjasama dan menghadapi pelbagai cabaran
 - Batasan ideologi dan ekonomi
 - Perbezaan budaya, bahasa dan mata wang

UNIT 10

A

- Bangga, gembira dan bersyukur apabila dapat mengurus kewangan dengan berhemat dan beretika.
 - Sentiasa beringat semasa berbelanja untuk mengelakkan pembaziran.
 - Membuat simpanan yang boleh digunakan semasa kecemasan.
- Boleh digunakan semasa kecemasan atau ketika kesempitan hidup.
 - Simpanan dan pelaburan pada hari tua.
 - Sebagai sokongan untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan
- Pengurusan kewangan diri dan keluarga menjadi kucar-kacir.
 - Tekanan fizikal dan mental akibat kekurangan wang perbelanjaan.
 - Tiada simpanan untuk kegunaan semasa kecemasan.
- Perancangan kewangan sebagai panduan untuk berbelanja dan membuat pelaburan yang sah.
 - Sebagai tabungan dan simpanan yang akan digunakan pada masa akan datang

- Mewujudkan kesejahteraan fizikal dan mental kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.
- Beretika dan berhemat dalam berbelanja.
- Membuat senarai semak perbelanjaan yang perlu dibuat.

B

- Pelaburan beretika sebagai sokongan kewangan yang diperlukan dalam kehidupan.
- Sebagai persediaan untuk digunakan ketika hari tua dan semasa kecemasan.
- Pelaburan dapat memberikan keuntungan tambahan atau dividen kepada individu.
- Menggalakkan individu dan masyarakat supaya membudayakan amalan menabung pada usia muda.

UNIT 11

A

- Nilai kerajinan
 - Mempunyai usaha yang berterusan walaupun cacat dan berdedikasi untuk berjaya hingga peringkat antarabangsa.
- Nilai keberanian
 - Sanggup menghadapi cabaran walaupun fizikalnya tidak sempurna untuk mengharumkan nama negara dengan kebolehannya.
- Meluaskan peluang untuk memasuki pasaran antarabangsa.
 - Memelihara warisan dan keunikan negara di peringkat dunia.
 - Mengharumkan nama negara di persada dunia.
- Kerajaan dapat meningkatkan bantuan kewangan, sokongan kehidupan harian supaya mereka boleh meneruskan kehidupan dengan lebih selesa dan dapat memberikan fokus dalam bidang masing-masing.
 - Membanyakkan kemudahan seperti peralatan sokongan, bangunan, badan sokongan dan pusat pembangunan agar penyediaan tempat yang sempurna kejayaan dapat diteruskan tanpa halangan.

4. - Masyarakat patut menghargai kejayaan yang diraih oleh mereka.
 - Masyarakat dapat sama-sama mengiktiraf kejayaan OKU yang dikongsi dalam pelbagai media.
 - Sentiasa menyokong usaha mereka dalam apa-apa jua keadaan.
- 5.- Kurangnya kemudahan dan prasarana.
 - Kurang kesedaran untuk menonjolkan kebolehan mereka di peringkat antarabangsa.
 - Bimbang dengan persepsi masyarakat terhadap kemampuan mereka.
 - Memandang rendah dengan kebolehan mereka.

B

Setuju

- Rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan bangsa akan meraikan kejayaan yang diperoleh di peringkat antarabangsa sebagai simbol perpaduan.
- Rakyat Malaysia akan sentiasa memberikan sokongan dan galakan tanpa mengira kaum jika seseorang individu bertanding pada peringkat dunia.
- Menjadi contoh yang boleh dibanggakan kepada negara luar apabila rakyat sesebuah negara bersatu padu dalam memberikan sokongan atas kejayaan yang dicapai oleh rakyatnya.

UNIT 12

A

1. UNESCO

- Program kerjasama pendidikan (empat tonggak utama).
- Program pertukaran seni dan budaya PBB
- Malaysia menyertai pasukan pendamai ke CONGO untuk misi keamanan PBB
- Malaysia menyertai misi pengaman gencatan senjata Iran - Iraq

OIC

- Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa
- Penubuhan Bank Pembangunan Islam (Menyalurkan sumbangan kepada negara Islam yang miskin)

Komanwel

- Rancangan Colombo (Sri Lanka) dengan menyediakan bantuan kewangan, pendidikan dan teknikal.
- Menyediakan latihan dan penyelidikan untuk anggota Komanwel.
- Memberikan biasiswa untuk rakyat anggota Komanwel.

ASEAN

- Kawasan Aman, Bebas, Berkecuali (ZOPFAN).
- Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).

NAM

Isu ekonomi

- Jurang negara selatan dan utara.
- Memperjuangkan Order Baru Ekonomi Dunia (NIEO).
- Gencatan senjata keganasan, kerjasama multilateral, keadaan ekonomi di Afrika, penyalahgunaan dadah dan jenayah.

2. i)

- Bertanggungjawab
- Kerajinan
- Berterima kasih
- Keberanian
- Kerjasama
- Patriotisme

ii)

- Menghulurkan bantuan kepada negara yang berada dalam kecemasan.
- Menyediakan bantuan tempat tinggal untuk pelarian sehingga mereka dihantar pulang.
- Tidak masuk campur dalam urusan politik negara lain.
- Memberikan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa.
- Memberikan pendapat dan pandangan yang sewajarnya.

B

Nilai universal

- Bertanggungjawab
- Kerajinan
- Berterima kasih
- Keberanian
- Kerjasama

Kebaikan menjalin hubungan
antarabangsa

- Dapat meningkatkan imej negara.
- Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.
- Dapat memajukan sektor pelancongan
- Meningkatkan pelaburan asing.
- Berkolaborasi dengan negara luar dalam pelbagai bidang.